BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

# Sorotan Bulanan
## Februari 2019

## Harga bahan api dalam negeri yang rendah menyebabkan inflasi keseluruhan menjadi negatif




- Inflasi keseluruhan mencatatkan angka negatif yang lebih kecil iaitu -0.4% pada bulan Februari (Januari: -0.7%). Inflasi pengangkutan kekal negatif, namun sumbangannya yang negatif kepada inflasi mengecil berikutan kenaikan harga minyak global pada bulan Februari.
- Inflasi makanan kekal stabil pada 1.0% (Januari: 1.0%). Inflasi yang lebih tinggi bagi makanan di luar rumah telah diimbangi oleh inflasi yang lebih rendah bagi beberapa jenis makanan segar.
- Tidak termasuk kesan perubahan dasar cukai penggunaan, inflasi teras meningkat kepada 1.6% pada bulan Februari 2019 (Januari: 1.5%).

*[1]Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir. Pengiraannya juga tidak termasuk anggaran kesan langsung perubahan dasar cukai.*

*Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia*

## IPI keseluruhan meningkat 3.2% pada bulan Januari 2019




- Indeks Pengeluaran Industri keseluruhan yang terkini mencatatkan kadar pertumbuhan yang lebih rendah sedikit pada 3.2% dari tahun ke tahun (*y-o-y*) pada bulan Januari 2019 (Dis 18: 3.4%).
- Pertumbuhan sektor perkilangan menurun sedikit kepada 4.2% pada bulan Januari 2019 daripada 4.4% pada bulan sebelumnya. Penurunan ini disebabkan oleh pengeluaran elektronik yang lebih rendah, sejajar dengan sebahagian negara rantaian nilai global elektrik dan elektronik (E&E) lain. Yang ketara, pengeluaran berkaitan sumber mencatatkan pemulihan yang kukuh disebabkan oleh hasil pengeluaran produk yang berasaskan minyak sawit meningkat dalam keadaan cuaca yang bertambah baik.

*Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia*

## Pembiayaan bersih terus berkembang




- Pembiayaan bersih[1] mencatatkan pertumbuhan tahunan 5.8% pada bulan Februari (Januari: 5.9%). Pertumbuhan bon korporat terkumpul meningkat kepada 7.9% pada bulan Februari (Januari: 7.3%), manakala pertumbuhan pinjaman terkumpul menjadi sederhana kepada 5.0% pada bulan itu (Januari 2019: 5.5%).
- Pertumbuhan pinjaman perniagaan terkumpul menjadi sederhana kepada 4.3% pada Februari (Januari: 4.8%), terutamanya dalam sektor perlombongan dan pengkuarian; harta tanah; dan pertanian utama.
- Pinjaman isi rumah terkumpul meningkat 5.2% (Januari: 5.5%). Peningkatan yang sederhana ini berlaku dalam keadaan segmen pinjaman mengikut tujuan yang menurun sedikit.

*[1]Pembiayaan bersih merujuk pinjaman terkumpul sistem perbankan [kecuali institusi kewangan pembangunan (IKP)] dan bon korporat terkumpul.*

*Sumber: Bank Negara Malaysia*

# Sorotan Bulanan
## Februari 2019

## Pasaran kewangan domestik bertambah baik dalam keadaan sentimen pelabur yang positif

**Prestasi Pasaran Kewangan pada Bulan Februari**




*Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bursa Malaysia*

- Ringgit menambah nilai sebanyak 0.5% berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) pada bulan Februari, disokong oleh aliran masuk portfolio bukan pemastautin ke dalam pasaran bon. Penambahan nilai ini adalah sejajar dengan trend serantau dan didorong oleh kesanggupan pelabur global mengambil risiko yang lebih tinggi.
- Kadar hasil MGS 10 tahun menyusut 17.4 mata asas, didorong oleh aliran masuk bukan pemastautin sebanyak RM5.7 bilion ke dalam pasaran bon Kerajaan pada bulan itu.
- FBM KLCI meningkat 1.4%, disokong oleh keadaan sentimen dalam negeri yang bertambah baik dalam sektor pembinaan dan lanjutan perbincangan perdagangan antara AS dengan RR China.

## Kualiti aset sistem perbankan kekal kukuh

**Sistem Perbankan: Kualiti Aset**




*Sumber: Bank Negara Malaysia*

- Pinjaman terjejas kasar keseluruhan meningkat sedikit disebabkan oleh beberapa peminjam korporat yang bermasalah. Walau bagaimanapun, nisbah pinjaman terjejas bank-bank stabil pada 0.9%.
- Selain itu, bank-bank terus mengekalkan penampan yang mencukupi terhadap kemungkinan kerugian kredit dengan nisbah jumlah peruntukan kepada jumlah pinjaman mampan pada 1.4%.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

# SIARAN AKHBAR

**No. Ruj.: 03/19/08**

**EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1500 hari Jumaat, 29 Mac 2019**

## SOROTAN BULANAN – FEBRUARI 2019

**Harga bahan api dalam negeri yang rendah menyebabkan inflasi keseluruhan menjadi negatif**

- Inflasi keseluruhan mencatatkan angka negatif yang lebih kecil iaitu -0.4% pada bulan Februari (Januari: -0.7%). Inflasi pengangkutan kekal negatif, namun sumbangannya yang negatif kepada inflasi mengecil berikutan kenaikan harga minyak global pada bulan Februari.
- Inflasi makanan kekal stabil pada 1.0% (Januari: 1.0%). Inflasi yang lebih tinggi bagi makanan di luar rumah telah diimbangi oleh inflasi yang lebih rendah bagi beberapa jenis makanan segar.
- Tidak termasuk kesan perubahan dasar cukai penggunaan, inflasi teras[1] meningkat kepada 1.6% pada bulan Februari 2019 (Januari: 1.5%).

**IPI keseluruhan meningkat 3.2% pada bulan Januari 2019**

- Indeks Pengeluaran Industri keseluruhan yang terkini mencatatkan kadar pertumbuhan yang lebih rendah sedikit pada 3.2% dari tahun ke tahun (*y-o-y*) pada bulan Januari 2019 (Dis 18: 3.4%).
- Pertumbuhan sektor perkilangan menurun sedikit kepada 4.2% pada bulan Januari 2019 daripada 4.4% pada bulan sebelumnya. Penurunan ini disebabkan oleh pengeluaran elektronik yang lebih rendah, sejajar dengan sebahagian negara rantaian nilai global elektrik dan elektronik (E&E) lain. Yang ketara, pengeluaran berkaitan sumber mencatatkan pemulihan yang kukuh disebabkan oleh hasil pengeluaran produk yang berasaskan minyak sawit meningkat dalam keadaan cuaca yang bertambah baik.

[1] Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir. Pengiraannya juga tidak termasuk anggaran kesan langsung perubahan dasar cukai.

**Pembiayaan bersih terus berkembang**

- Pembiayaan bersih[2] mencatatkan pertumbuhan tahunan 5.8% pada bulan Februari (Januari: 5.9%). Pertumbuhan bon korporat terkumpul meningkat kepada 7.9% pada bulan Februari (Januari: 7.3%), manakala pertumbuhan pinjaman terkumpul menjadi sederhana kepada 5.0% pada bulan itu (Januari 2019: 5.5%).
- Pertumbuhan pinjaman perniagaan terkumpul menjadi sederhana kepada 4.3% pada Februari (Januari: 4.8%), terutamanya dalam sektor perlombongan dan pengkuarian; harta tanah; dan pertanian utama.
- Pinjaman isi rumah terkumpul meningkat 5.2% (Januari: 5.5%). Peningkatan yang sederhana ini berlaku dalam keadaan segmen pinjaman mengikut tujuan yang menurun sedikit.

**Pasaran kewangan domestik bertambah baik dalam keadaan sentimen pelabur yang positif**

- Ringgit menambah nilai sebanyak 0.5% berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) pada bulan Februari, disokong oleh aliran masuk portfolio bukan pemastautin ke dalam pasaran bon. Penambahan nilai ini adalah sejajar dengan trend serantau dan didorong oleh kesanggupan pelabur global mengambil risiko yang lebih tinggi.
- Kadar hasil MGS 10 tahun menyusut 17.4 mata asas, didorong oleh aliran masuk bukan pemastautin sebanyak RM5.7 bilion ke dalam pasaran bon Kerajaan pada bulan itu.
- FBM KLCI meningkat 1.4%, disokong oleh keadaan sentimen dalam negeri yang bertambah baik dalam sektor pembinaan dan lanjutan perbincangan perdagangan antara AS dengan RR China.

**Kualiti aset sistem perbankan kekal kukuh**

- Pinjaman terjejas kasar keseluruhan meningkat sedikit disebabkan oleh beberapa peminjam korporat yang bermasalah. Walau bagaimanapun, nisbah pinjaman terjejas bank-bank stabil pada 0.9%.
- Selain itu, bank-bank terus mengekalkan penampan yang mencukupi terhadap kemungkinan kerugian kredit dengan nisbah jumlah peruntukan kepada jumlah pinjaman mampan pada 1.4%.

[2] Pembiayaan bersih merujuk pinjaman terkumpul sistem perbankan [kecuali institusi kewangan pembangunan (IKP)] dan bon korporat terkumpul.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

**Bank Negara Malaysia**
**29 Mac 2019**

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my